

**KENYATAAN YANG DIPERTUA
MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI
MESYUARAT MAJLIS PENUH
27 APRIL 2012**

**1. PEGAWAI BARU BERJAWATAN TETAP
KUMPULAN PENGURUSAN DAN PROFESIONAL**

Sukacita di sini, dimaklumkan bahawa MPSP telah melantik 7 orang pegawai Pengurusan & Profesional ke jawatan tetap di dalam usaha memantapkan lagi pentadbiran Majlis. Berikut, saya perkenalkan pegawai tersebut, iaitu ;

- i. Encik Mohd. Hairol bin Man
Penolong Pengarah Khidmat Pengurusan
(Bahagian Perkhidmatan)
Gred N41
- ii. Puan Amira bt Ahmad
Penolong Pengarah Khidmat Pengurusan
(Bahagian Pentadbiran)
Gred N41

Kedua-dua pegawai ini, ditempatkan di Jabatan Khidmat Pengurusan.

Seterusnya 2 orang pegawai ditempatkan di Bahagian Pembangunan Korporat iaitu:

- iii. Puan Rosmalinda bt. Rosli
Penolong Pengarah Pembangunan Korporat
Bahagian Pembangunan Korporat
Gred N41
(Beliau kini sedang bercuti bersalin)

- iv. Puan Siti Nurhayati bt Abdul Rahman
Penolong Pengarah Pembangunan Korporat
Bahagian Pembangunan Korporat
Gred N41

Seterusnya:

- v. Puan Nur Shakila bt Shamsudin
Penolong Pengarah Penilaian & Pengurusan Harta
Jabatan Penilaian & Pengurusan Harta
Gred W41

Dan 2 orang pegawai lagi di tempatkan di Jabatan Perancang Bandar, iaitu ;

- vi. Cik Zamzamah bt Zainuddin
Penolong Pengarah Perancang Bandar
Gred J41
- vii. Encik Mohd. Nadhir bin Abdul Aziz
Penolong Pengarah Perancang Bandar
Gred J41

2. SELAMAT MENYAMBUT HARI PEKERJA

Dimaklumkan Hari Pekerja akan disambut pada 1 Mei 2012 (Selasa), yang merupakan Hari Kelepasan Am.

Hari Pekerja sebenarnya mengingatkan kita betapa besarnya sumbangan para pekerja ke atas pembangunan negara. Pekerja adalah tonggak kemajuan, kemakmuran dan keharmonian sesebuah negara. Tanpa pekerja, terutamanya pekerja yang dedikasi dan produktif, tidak mungkin kita akan mencapai kemajuan dan kemakmuran seperti yang dinikmati sekarang ini. Sambutan Hari Pekerja ini adalah sebagai wadah bagi menghargai

sumbangan seluruh warga pekerja dalam memacu pembangunan negara ke arah kemajuan dan kemakmuran. Justeru, saya ingin mengucapkan Selamat Menyambut Hari Pekerja kepada seluruh rakyat Pulau Pinang amnya dan seluruh rakyat Seberang Perai khususnya. Tema Hari Pekerja Tahun 2012 adalah "Pekerja Berinovatif Penggerak Transformasi". Pemilihan tema ini adalah seiring dengan hasrat kerajaan dalam membentuk budaya kerja yang kreatif dan inovatif ke arah negara berpendapatan tinggi dan mencapai tahap Antarabangsa.

3. SELAMAT MENYAMBUT HARI WESAK

Kesempatan ini, saya ingin mengucapkan Selamat Menyambut Hari Wesak kepada semua penganut Buddha yang bakal meraikannya pada 5 Mei 2012 (Sabtu), dan hari tersebut merupakan Hari Kelepasan Am.

4. LESEN PENGANJURAN PASAR RAMADHAN

Permohonan untuk Lesen Penganjur Pasar Ramadhan akan mula dibuka mulai **7 Mei 2012** dan tarikh tutup permohonan adalah **9 Jun 2012**.

Borang-borang untuk penganjuran Pasar Ramadhan boleh diperolehi mulai **7 Mei 2012** (Isnin) di ;

- 1) Kaunter Berpusat Ibu Pejabat MPSP Bandar Perda.
- 2) Kaunter MPSP Cawangan Butterworth
di Jalan Dato' Haji Ahmad Said
- 3) Kaunter MPSP Cawangan Sungai Jawi,
Seberang Perai Selatan.

- Borang-borang akan diproses Jabatan Pelesenan dan keputusan permohonan akan mula dikeluarkan pada **25 Jun 2012** (Isnin).
- Taklimat kepada pengajur dijadualkan akan diadakan pada **9 Julai 2012** (Isnin).
- Untuk pertanyaan atau keterangan lanjut, sila hubungi Jabatan Pelesenan, MPSP ditalian 04 – 5497 679 / 682.

(*Nota : 1 Ramadhan 1433 H dijangka bersamaan 21 Julai 2012*)

5. PERSIDANGAN DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG

Dimaklumkan bahawa Mesyuarat Yang Pertama Penggal Yang Kelima Dewan Undangan Negeri Yang Ke 12 akan bersidang pada 30 April 2012 sehingga 8 Mei 2012 bertempat di Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang.

SEKIAN, TERIMA KASIH.